

## **Kempen Penghapusan Hamba di Borneo Utara 1845–1905**

**Aping Sajok**

*Tarikh dihantar: dd mm year Tarikh diterima: dd mm year*

### **Abstrak**

Kajian ini adalah tentang penghapusan perhambaan di Borneo Utara ketika zaman penjajahan British. Perhambaan merupakan suatu tradisi penting dalam kehidupan masyarakat tradisional. Golongan hamba memainkan peranan penting dalam bidang pertanian, perdagangan dan ketenteraan. Memiliki hamba melambangkan kemegahan, status dan kekayaan. Walau bagaimanapun, ketika pertapakan awal, British bertindak menjalankan dasar penghapusan amalan perhambaan, sejajar dengan perkembangan semasa di peringkat global yang menentang keras sistem perhambaan dan berusaha menghapuskannya di koloni mereka. Kegiatan perhambaan ini terjadi secara meluas disebabkan peranan golongan atasan dan pembesar Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Selain itu, kegiatan perdagangan hamba dimonopoli oleh orang Iranun, Sulu, Bajau dan Balangingi. Dengan kedatangan British, aktiviti perhambaan ini telah dihapuskan melalui penguatkuasaan undang-undang.

**Kata kunci:** Borneo Utara, perhambaan, penjajahan British, Brunei, Sulu.

### **Abstract**

*This study is about the abolition of slavery in North Borneo during the British colonial era. Slavery is an important tradition in the lives of traditional societies. The slaves play an important role in the fields of agriculture, trade and military. Having a slave symbolizes splendor, status and wealth. However, during the initial inquiry, the British acted on the basis of the abolition of slavery practices, in line with current global developments that opposed the slavery system and sought to abolish it in their colonies. This slavery was largely due to the role of the elites and officials of the sultanates of Brunei and Sulu. In addition, slave trade was monopolized by people of Iranun, Sulu, Bajau and Balangingi. With the arrival of the British, the salvery system has been abolished by law enforcement.*

**Keywords:** North Borneo, slavery, British colonial, Brunei, Sulu.

### **Pendahuluan**

Perhambaan merupakan sebahagian daripada budaya masyarakat peribumi dan dianggap sebagai simbol kekuasaan, kemegahan dankekayaan kepada sesiapa yang memiliki ramai hamba. Hamba memainkan peranan penting dalam masyarakat kerana berfungsi sebagai pengikut atau pengawal yang setia serta menjadi tenaga kerja dalam mengusahakan kegiatan ekonomi. Hamba yang terdiri daripada pelbagai kaum akan dikerah untuk menjalankan kerja seperti memungut sarang burung, damar, rotan dan kapur barus. Hamba yang mahir dalam bidang kelautan pula akan diberikan tugas dalam aktiviti maritim.

Namun begitu, apabila kuasa asing telah bertapak di Borneo Utara, kegiatan perhambaan terus menerima perhatian serius disebabkan situasi amalan tersebut yang semakin sukar dikawal. Bukan sahaja perhambaan bersifat domestik, malahan wujud kegiatan perdagangan hamba yang berlaku secara berleluasa di sekitar perairan Borneo termasuklah kewujudan pelabuhan yang menjadi pusat pasaran hamba. Malahan, aktiviti pemburuan hamba serta serangan ke atas kapal dagang milik orang Eropah telah berlaku sehingga menjelaskan aktiviti perdagangan yang dijalankan di Borneo Utara. Faktor berlakunya kegiatan dijalankan oleh penduduk tempatan sendiri dan didalangi oleh pembesar yang memerintah di Borneo Utara.

Pengurniaan Piagam Diraja telah memberikan kesan terhadap amalan perhambaan kerana Kerajaan British turut memasukkan dalam fasal yang ketujuh, iaitu tentang penghapusan perhambaan. Namun begitu, kempen penghapusan perhambaan di Borneo Utara sebenarnya telah bermula lebih awal melalui pembasmian kegiatan pelanunan yang sangat sinonim dengan perdagangan hamba oleh kuasa Sepanyol dan British sendiri. Apabila kekuatan British semakin stabil berikutan pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB), tumpuan dapat diberikan untuk menghapuskan kegiatan perhambaan di Borneo Utara. Berdasarkan kenyataan tersebut, makalah ini cuba merungkai bagaimana usaha penghapusan perhambaan di Borneo Utara ketika pentadbiran British dan juga selepas pembentukan SBUB.

### **Perhambaan di Borneo Utara**

Dalam menghadapi kegiatan perhambaan yang semakin berkembang dengan pesat di Borneo Utara pada ketika itu, langkah awal yang telah diambil oleh pemerintah khususnya pihak SBUB ialah dengan cara penguatkuasaan undang-undang yang bertujuan untuk membasi kegiatan perhambaan tersebut. British telah memeterai perjanjian dengan kerajaan Kesultanan Brunei pada tahun 1847, iaitu perhapusnya perhambaan adalah antara syarat

yang telah dipersetujui bersama. Usaha ini kemudian diteruskan apabila SBUB berjaya mendapatkan Piagam Diraja daripada Kerajaan British. Hal ini terbukti apabila gabenor pertama Borneo Utara, iaitu William Hood Treacher telah memulakan langkah untuk menghapuskan amalan perhambaan yang berlaku dengan pesat di Borneo Utara.

Terdapat undang-undang yang telah diperkenalkan bagi membasi kegiatan perhambaan sama ada di peringkat antarabangsa maupun di peringkat tempatan. Keadaan yang sama juga berlaku di Borneo Utara yang mana pengurniaan Piagam Diraja oleh Kerajaan British telah memberikan kuasa penuh kepada SBUB bagi melaksanakan penghapusan perhambaan yang telah memberikan kesan kepada pentadbirannya. Berdasarkan peraturan tersebut, pihak SBUB mempunyai kuasa untuk menangkap dan mendakwa mana-mana individu yang terlibat dalam perhambaan sama ada sebagai pemilik atau penjual.

### **Pengurniaan Piagam Diraja British, 1881**

Penghapusan perhambaan dalam kalangan masyarakat di Borneo Utara semasa kedatangan pihak British telah bermula sebelum piagam daripada Kerajaan British diterima oleh SBUB. Piagam tersebut menyatakan dengan jelas bahawa Kerajaan British di bawah ratu Victoria mahukan supaya amalan perhambaan yang terdapat di tanah jajahan mereka dihapuskan. Arahan ini tertakluk kepada semua pihak yang mewakili Kerajaan British sebagai pentadbir di tanah jajahan bertanggungjawab untuk menghapuskan amalan perhambaan di kawasan mereka sendiri. Di Borneo Utara juga, perkara yang sama turut berlaku apabila William Treacher mula menghapuskan aktiviti perdagangan hamba, terutamanya di kawasan pantai timur Borneo Utara seperti Lahad Datu, Kinabatangan dan Tungku yang menjadi pusat utama aktiviti jual beli hamba serta di kawasan pantai barat seperti Tempasuk dan Teluk Marudu. Oleh kerana aktiviti penjualan hamba ini melibatkan kegiatan lanun, maka langkah pertama yang dijalankan adalah membasi kegiatan lanun yang berleluasa di perairan Borneo. Dalam artikel tujuh Piagam Diraja tersebut ia menyatakan bahawa;

*The company shall to the best of its power discourage as far as may be practicable. Abolish by degrees any system of domestic servilage existing among the tribes of the coast of interior of Borneo. And no foreign, whether European, Chinese, or other shall be allowed to own slaves of any kind in the company territories.*

Rentetan itu, pihak pejabat Tanah Jajahan melalui surat kepada gabenor Borneo Utara juga telah mengarahkan supaya semua bentuk amalan perhambaan domestik yang diamalkan oleh masyarakat yang tinggal di pesisir atau pedalaman Borneo Utara haruslah dihapuskan. Hal ini selaras dengan artikel ketujuh dalam Piagam Diraja British yang melarang semua kaum daripada mengamalkan kegiatan perhambaan ini. Selain itu, orang Eropah, Cina atau mana-mana orang asing turut dilarang daripada menjual, membeli, memiliki, atau mengambil hamba dalam bentuk apa pun dalam lingkungan kawasan milik SBUB.

Peruntukan bagi memastikan penghapusan amalan perhambaan dalam piagam tersebut sebenarnya dilakukan kerana mengambil kira kepentingan pihak British di rantau ini dalam kegiatan perdagangan. Oleh itu, kegiatan pelanunan yang mempunyai kaitan dengan perdagangan hamba hendaklah dihapuskan. British sangat memandang serius akan masalah perhambaan yang berlaku di Borneo Utara ketika itu. Kegiatan perhambaan ini dikatakan berada dalam skala yang sangat besar hingga seorang pegawai British yang bernama Francis Xavier Witti telah membuat nisbah anggaran pada tahun 1881, iaitu seorang daripada setiap tiga orang Muslim yang tinggal di pesisiran pantai adalah hamba.

Kebimbangan Kerajaan British tentang kegiatan perhambaan yang berlaku di kawasan Borneo turut mendapat perhatian dalam persidangan Parlimen British sehingga cadangan berhubung syarat penghapusan perhambaan sebagai klausa dalam Piagam Diraja tersebut telah diwujudkan. Oleh hal yang demikian, SBUB yang telah mendapat piagam daripada Kerajaan British untuk mentadbir Borneo Utara turut melaksanakan dasar pemansuhan amalan perhambaan yang terdapat di kawasan ini. Hal ini dapat dilihat daripada syarat pengurniaan Piagam Diraja, iaitu Kerajaan British menetapkan pihak SBUB untuk menghapuskan amalan perdagangan hamba di Borneo Utara.

Kempen penghapusan perhambaan ini telah bermula awal apabila James Brooke yang berjaya menguasai Sarawak daripada Kesultanan Brunei bertindak untuk menyerang pusat perdagangan hamba dan aktiviti pelanunan di perairan Borneo. James Brooke berpendapat kegiatan pelanunan dan perhambaan adalah *devastating system* dan perlu untuk dihapuskan dengan kadar segera. James Brooke tidak menghadapi masalah yang besar dalam

menghapuskan kegiatan pelanunan di perairan Borneo kerana turut dibantu oleh angkatan tentera laut British. Misalnya, dalam serangan ke atas Syarif Osman di Teluk Marudu, James Brooke telah meminta bantuan daripada Henry Keppel yang bertindak sebagai pegawai pemerintah tentera laut British di Singapura untuk membantu serangannya.

Kempen penghapusan perhambaan di Borneo Utara yang dijana oleh kegiatan pelanunan ini adalah tertumpu di Teluk Marudu, Tempasuk dan Teluk Darvel. Serangan ke atas kawasan tersebut dijalankan oleh Laksamana Thomas Cochrane bersama-sama angkatan tentera laut British, khususnya dalam operasi serangan ke atas kubu Syarif Osman. Akibat serangan tersebut, ramai orang Iranun dan Balangingi telah melarikan diri ke Tempasuk, Pandasan dan Tungku. Namun demikian, apabila selesai operasi di kawasan Teluk Marudu, tentera British telah melakukan serangan di kawasan Tempasuk dengan menggunakan kapal *HMS Deadelus*. Kapten Rodney Mundy pula bertanggungjawab untuk menghapuskan pusat pelanunan yang terdapat di Pandasan. Kuasa Sepanyol di Kepulauan Filipina pula berusaha menghapuskan kegiatan perdagangan hamba, iaitu banyak aktiviti serangan ke atas kumpulan lanun di sebelah kawasan perairan utara Borneo Utara sehingga melumpuhkan kekuatan mereka. Kuasa British mencapai kejayaan untuk menumpaskan kegiatan pelanunan di Borneo. Kejayaan yang sama turut berlaku di Kepulauan Sulu, iaitu angkatan perang Sepanyol di bawah pimpinan Don Jose Maria Halcon berjaya memusnahkan kubu dan petempatan Iranun dan Balangingi di beberapa kawasan seperti Tawi-tawi, Basilan dan Mindanao.

Dalam kempen penghapusan kegiatan pelanunan yang amat sinonim dengan perdagangan hamba, serangan British tertumpu kepada beberapa kawasan seperti Tungku, Teluk Marudu dan Tempasuk. Kemuncak kepada penghapusan kegiatan pelanunan ini adalah apabila tercetusnya Perang Marudu pada tahun 1845 yang melibatkan Syarif Osman. Bagi James Brooke, Syarif Osman merupakan lanun dan memiliki jumlah pengikut dan hamba yang ramai. Serangan dalam skala yang besar telah melumpuhkan kekuatan orang Balangingi dan Iranun di kawasan pantai barat Borneo Utara.

Di kawasan Tungku pula, James Brooke dan Edward Belcher turut bertindak memusnahkan petempatan orang Iranun dan Balangingi. Menjelang penghujung tahun 1879, kawasan Tungku yang menjadi petempatan bagi kaum Iranun dan Balangingi telah musnah sama sekali akibat serangan angkatan laut British menggunakan kapal *HMS Kestrel*.

Langkah serangan bagi menghancurkan kegiatan perdagangan hamba ini amat bertepatan dengan keadaan yang berlaku pada waktu itu. Menurut Steinberg, pada tahun 1878 British berjaya menghancurkan pusat perdagangan hamba di Tungku serta berjaya menenggelamkan banyak kapal di Teluk Sandakan yang kerap digunakan oleh lanun untuk kegiatan menculik hamba. Walau bagaimanapun, usaha untuk menyerang pusat yang dijadikan pasaran hamba seperti di Kepulauan Sulu dan Lawas masih berterusan memandangkan permintaan bagi hamba masih ada pada ketika itu.

Selain itu, Borneo Utara yang telah berada di bawah pengaruh British juga mula bertindak untuk menghapuskan kegiatan perhambaan seperti yang dijalankan oleh William Pryer. Walaupun beliau tidak bertindak secara drastik mengikut undang-undang British untuk menghapuskan amalan perhambaan. William Pryer tetap mengambil tindakan untuk membebaskan hamba tersebut jika terbukti pemilik hamba melakukan penganiayaan terhadap hamba mereka. William Pryer juga bertindak membeli hamba sebagai cara untuk membebaskan golongan ini kemudian memberikan pekerjaan yang bergaji.

Melalui William Pryer juga, terdapat ramai hamba di Sandakan yang telah dibebaskan. Menurut catatan dalam diari ketika menjadi Residen di Sandakan, William Pryer sendiri membeli hamba daripada pemimpin seperti Datu Tibbeys dan Datu Hadji yang berharga \$50 dan \$40. Selain itu, William Pryer sendiri telah berusaha dengan membeli hamba daripada tuan mereka dengan harga \$40 untuk hamba lelaki serta \$60 bagi hamba wanita. William Pryer kemudiannya menjadikan hamba tersebut sebagai buruh bagi membangunkan kawasan Elopura semasa beliau menjadi residen di kawasan tersebut. Walaupun usaha tersebut dilihat kurang drastik, langkah tersebut bertujuan untuk membebaskan hamba secara perlahan.

Seterusnya, William Pryer juga bertindak membebaskan hamba yang datang kepada beliau untuk mengadu tentang layanan buruk yang diberikan

oleh tuan mereka. Menurut Tregonning, William Poyer telah menetapkan bahawa;

*They were permitted to own slaves, and in their case, and in that of all other natives, he stated all absconding slaves would be returned to their owner unless they could purchase their freedom, at a price to be fixed by the Resident, or could prove cruelty by their master. Further, he forbade the importation of slaves for sale, and decreed that in keeping with custom a slave could not be transferred from one master to another without his consent unless authorized by the resident, and in any case no slave family could be divided.*

### **Peruntukan Undang-undang dan Peraturan Berkaitan Perhambaan**

Dasar ini merupakan dasar pertama yang dijalankan oleh pihak SBUB apabila mereka secara rasminya mendapatkan kuasa ke atas Borneo Utara melalui pengurniaan Piagam Diraja daripada Kerajaan British. Dalam dasar yang diperkenalkan ini, terdapat beberapa peruntukan yang telah ditetapkan oleh pihak SBUB pada tahun 1881. Walau bagaimanapun, proklamasi ini dikatakan tidak berjaya kerana masyarakat di Borneo Utara tidak mengendahkannya.

Menurut Tregonning, antara lainnya proklamasi ini menetapkan bahawa;

1. Orang asing termasuk orang Eropah tidak dibenarkan mempunyai hamba di Borneo Utara, tetapi ini dikecualikan kepada golongan penduduk asli Borneo, Sulawesi mahupun Sulu yang telah menetap di kawasan tersebut dalam jangka masa lima tahun.
2. Mereka boleh memiliki hamba dan hamba yang didapati melarikan diri akan dihantar semula kepada tuannya.

Menurut Warren, walaupun peraturan untuk menyekat kegiatan perhambaan tersebut telah dijalankan oleh SBUB, aktiviti perdagangan hamba berterusan kerana masih mendapat permintaan. Walaupun jumlah yang besar telah berkurangan sejak tahun 1878, tetapi ia masih terjadi terutamanya di bahagian perairan Borneo di Laut Sulu. Hal ini dipengaruhi oleh polisi pentadbiran SBUB yang masih mengambil langkah berhati-hati dan memilih

untuk menghapuskan amalan perhambaan dalam masyarakat Borneo Utara secara beransur-ansur.

### **Proklamasi Perhambaan 1883**

Proklamasi yang kedua, iaitu pada tahun 1883 yang mempunyai peruntukan lebih tegas bagi sesiapa yang cuba menentang atau mengingkari arahan undang-undang tersebut. Dalam proklamasi ini terdapat syarat;

1. Hamba dibebaskan dan akan dibawa ke Borneo Utara pada 1 November 1883.
2. Sebarang kesalahan dikenakan denda sebanyak \$5000.
3. Hukuman penjara akan dikenakan ke atas sesiapa yang melanggar peraturan tersebut.

Selain itu, Tregonning menjelaskan bahawa langkah susulan telah dijalankan bagi memastikan syarat yang telah ditetapkan dalam proklamasi yang dibuat pada tahun 1881 dan 1883 dipatuhi tidak kira oleh orang asing ataupun penduduk tempatan sendiri. Hasil daripada tindakan drastik oleh William Treacher, amalan perhambaan di Borneo Utara dapat dikurangkan. Beliau sedar adalah amat sukar untuk menghapuskan perhambaan secara drastik apatah lagi ia telah diterima sebagai budaya dalam kalangan masyarakat peribumi.

### **Memusnahkan Pusat Perdagangan Hamba**

Pusat perdagangan hamba yang terdapat di Borneo Utara wujud disebabkan kegiatan pelanunan yang menjadi tunjang kepada bekalan hamba dalam aktiviti perdagangan hamba pada ketika itu. Terdapat banyak pangkalan utama di Borneo Utara memainkan peranan sebagai pelabuhan transit bagi membekalkan hamba yang datang dari pelbagai tempat. Apabila hal tersebut berlaku, ia akan mewujudkan suasana kacau-bilau yang mengganggu aktiviti ekonomi termasuklah kegiatan perdagangan bagi masyarakat Eropah yang berdagang di Asia Tenggara termasuk perairan Borneo.

James Brooke sentiasa meminta bantuan angkatan tentera laut British untuk menjalankan kempen memusnahkan petempatan orang Balangingi dan Iranun yang melakukan kegiatan pelanunan di Borneo Utara. Usaha James Brooke ini turut disertai oleh pegawai tentera laut seperti Thomas Cochrane, Henry Keppel, Rodney Mundy, Edward Belcher dan beberapa pegawai lain. Tindakan mereka diperkasakan dengan menggunakan kapal perang milik armada laut British seperti *HMS Vesta*, *HMS Pluto*, *HMS Dido*, dan *HMS Nemesis*.

Dalam kempen penghapusan kegiatan perlanungan yang amat sinonim dengan perdagangan hamba, serangan British tertumpu kepada tiga wilayah yang utama, iaitu Teluk Marudu, Tempasuk dan Tungku di Teluk Darvel. Usaha British yang paling besar ialah pada ketika berlakunya Perang Marudu pada tahun 1845 yang melibatkan Syarif Osman. Bagi James Brooke, Syarif Osman merupakan Iban dan memiliki jumlah pengikut dan hamba yang ramai. Serangan besar-besaran ini telah melumpuhkan petempatan orang Balangingi dan Iranun di kawasan pantai barat Borneo Utara. Di Tungku pula, Brooke yang dibantu oleh Kapten Edward Belcher dengan memusnahkan petempatan orang Iranun dan Balangingi.

Menjelang tahun 1879, kawasan Tungku yang menjadi petempatan bagi kaum Iranun dan Balangingi telah musnah akibat serangan angkatan laut British menggunakan kapal *HMS Kestrel*. British telah berjaya menghancurkan pusat perdagangan hamba di Tungku. Usaha ini mengambil masa lebih kurang 20 tahun selaras dengan pelaksanaan Ordinan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1891.

### **Penangkapan Pemilik dan Penjual Hamba**

Selain daripada penguatkuasaan undang-undang, pihak SBUB juga mengambil langkah proaktif dalam usaha pembasmian kegiatan perhambaan dengan menangkap dan mendakwa sesiapa yang terlibat, sama ada menjual ataupun membeli hamba. Usaha ini bertujuan untuk memberikan peringatan kepada semua pihak agar tidak terlibat dengan kegiatan tersebut yang menyalahi undang-undang SBUB. Selain daripada serangan dan pemusnahan kawasan petempatan orang Balangingi dan Iranun sebelum pentadbiran SBUB mendapat piagam daripada Kerajaan British, mereka telah meneruskan usaha tersebut apabila William Treacher mengisytiharkan undang-undang penghapusan perhambaan.

Usaha menangkap pemilik atau penjual hamba ini tidak hanya tertumpu di kawasan daratan pantai Borneo Utara sahaja, malahan melibatkan di kawasan perairan. Pada tahun 1886, seramai tiga orang penjual hamba, iaitu Choe Yoe Lim, Tan Koh dan Lim Ah Sing telah ditangkap seterusnya didakwa kerana terlibat dalam penjualan hamba yang dibawa dari Kepulauan Sulu. Oleh itu, Hakim Malcolm J. Brown telah mensabitkan kesalahan mereka di bawah Seksyen 368, 370, dan 371 *Indian Penal Code* kerana terlibat dalam perdagangan hamba.

Selain itu, tindakan untuk membebaskan hamba turut dijalankan oleh pegawai yang bertugas di setiap residensi berikutan arahan tegas yang dikeluarkan oleh William Treacher supaya semua pentadbir haruslah memberikan kerjasama untuk menghapuskan perhambaan dalam kalangan masyarakat tempatan. Pada tahun 1905, Pegawai Daerah yang bertugas untuk Residensi Pantai Timur di Borneo Utara, iaitu J.H Molyneux telah membebaskan hamba yang bernama Murahia di Pulau Bum-Bum. Sebelumnya Murahia merupakan hamba yang dimiliki oleh orang Bajau di Bum-Bum dan setelah dimerdekaan oleh Molyneux, beliau dibenarkan pulang kepada bapanya dan tinggal di Gesong Melanta.

Pembebasan hamba merupakan langkah awal yang dilakukan oleh William Pryer pada ketika beliau menjadi Residen Sandakan. Usaha ini dijalankan di Sandakan yang mempunyai populasi hamba yang besar. Pada masa yang sama, William Pryer mendapat sokongan daripada penduduk tempatan kerana apabila hamba dibebaskan, mereka diberikan pekerjaan yakni bekerja untuk pegawai British sendiri dengan diberikan gaji atau upah. Usaha untuk membebaskan hamba tidaklah begitu drastik sepetimana yang dikehendaki dalam undang-undang British. Hal ini demikian kerana William Pryer sendiri berpendapat bahawa perhambaan yang terdapat di Borneo Utara adalah sebahagian daripada institusi dalam masyarakat tempatan. Hal ini juga disokong oleh James Warren yang menyatakan bahawa;

*Slavery was such an institutionalized part of the Sulu social system that efforts to free slaves were often met with reluctance on the slaves's part.*

### **Kesimpulan**

Perhambaan di Borneo Utara adalah suatu tradisi yang dianggap sebagai budaya dalam kalangan kaum peribumi. Golongan ini sama sekali tidak dipandang hina kerana peranan mereka yang cukup penting, bukan sahaja dalam bidang ekonomi akan tetapi juga dalam politik dan ketenteraan. Hal ini membolehkan golongan hamba sendiri mendapat tempat yang baik dalam lapisan masyarakat. Namun demikian, kegiatan perdagangan hamba yang berlaku dalam skala yang besar di Kepulauan Borneo dan Sulu menyebabkan pemilikan hamba lebih cenderung kepada keuntungan. Malahan, persepsi bahawa pemilikan hamba sebagai lambang kemegahan dan kekayaan pemimpin telah mula terhakis kerana golongan ini sendiri terlibat dalam perdagangan hamba. Pada akhirnya, kedatangan kuasa British ke Borneo Utara telah membawa kepada perubahan yang pada mulanya sukar diterima oleh penduduk peribumi sehingga mencetuskan pertelingukan. Namun

begitu, hal ini dapat ditangani dengan baik hingga amalan tersebut telah berjaya dihapuskan secara berperingkat dalam masa beberapa tahun selepas pendudukan SBUM di Borneo Utara.

### Rujukan

- British North Borneo Herald*. 1 Julai 1896. Arkib Negeri Sabah.
- British North Borneo Herald*. 16 Mac 1905. Arkib Negeri Sabah.
- Kisah Pahlawan Syarif Usman. Fail Historical Site No.17 (36). Arkib Negeri Sabah.
- Miscellaneous File, The British North Borneo Company File E.34. Instructions to the Governor of British North Borneo*. 2 August 1882. Arkib Negeri Sabah.
- Slavery in North Borneo*. Mikrofilem 380 / 82. Arkib Negeri Sabah.
- The British North Borneo Herald*. 1 Februari 1886. Arkib Negeri Sabah.
- Gelrich, B. M. (2003). *Marudu 1845; The destruction and reconstruction of a coastal sate in Borneo*. Hamburg: Abera Publisher.
- Ismail Ali. (2010). *Viking Timur di Kepulauan Borneo*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Ali. (2016). Expedisi penghapusan lanun oleh Barat. *Utusan Borneo*. 6 Jun.
- Jainuddin Malik. (1991). Sejarah orang-orang Bajau sabah: Abad ke-19. *Tesis Sarjana*. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Nik Anuar Nik Mahmud. *Borneo Utara: Tuntutan Waris Kesultanan Sulu & Republik Filipina ke atas Borneo Utara dan Reaksi British 1878–1963*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roth, H. L. (1896). *The natives of Sarawak and British North Borneo*. London: Truslove & Hanson.
- Rutter, O. (1986). *The pirate wind: Tales of the sea-rubbers of Malaya*. New York: Oxford University Press.
- Singh, D. R. S. (2000). *The making of Sabah 1865–1941*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Steinberg, D. J., et al. (1981). *Mengenai sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tregonning, K. G. (1965). *A history of modern Sabah*. Singapore: University of Malaya.
- Tregonning, K. G. (2007). *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881–1946)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Tregonning, K.G. The elimination of slavery in North Borneo. *North Borneo News & Sabah Times*. 5 Oktober 1960. Arkib Negeri Sabah.
- Warren, J. F. (1971). *The North Borneo Chartered Company's administration of the Bajau (1878–1909)*. Ohio: Ohio University.
- Warren, J. F. (1981). *The Sulu Zone 1768–1898*. Singapore: Singapore University Press.
- Wright, L. R. (1970). *The origin of British Borneo*. Hong Kong: University Press.